



KENYATAAN MEDIA

INSIDEN DI SUBSTESEN TNB BERSEBELAHAN DENGAN STESEN MRT COCHRANE TIADA KAITAN DENGAN PROJEK MRT

Kuala Lumpur, 9 Januari 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin menjelaskan bahawa insiden yang berlaku di sebuah substesen yang sedang dibina bersebelahan dengan Stesen MRT Cochrane pada petang ini tiada kaitan dengan Projek MRT Lembah Klang.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berkata pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, di mana Stesen MRT Cochrane merupakan salah sebuah stesen laluan itu, telah siap dan dibuka kepada orang ramai pada Julai 2017.

"Tidak ada lagi kerja pembinaan sedang dijalankan oleh MRT Corp atau mana-mana kontraktornya di tapak Stesen MRT Cochrane. Jadi, substesen yang kini sedang dibina oleh Tenaga Nasional Berhad bukan sebahagian daripada Projek MRT," kata beliau.

Oleh demikian, beliau berkata MRT Corp menafikan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh mana-mana pihak yang menghubungkan substesen tersebut kepada Stesen MRT Cochrane atau Projek MRT.

"Substesen tersebut terletak bersebelahan dengan Stesen MRT Cochrane, jadi substesen itu menggunakan nama berdasarkan lokasi ini," jelasnya.

Tambah beliau, substesen tersebut dipercayai adalah untuk menaik taraf bekalan kuasa di seluruh kawasan.

Walau bagaimanapun, MRT Corp ingin menyuarakan rasa kesal terhadap insiden itu dan berdoa agar tiada kecederaan atau kehilangan nyawa akibat dari apa yang telah berlaku.

-Tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:



Encik Leong Shen-Li

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

MRT Corp

Cik Amalina Ghazali

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

MRT Corp